



ISMAIL ALI

Pendidikan Sejarah Kelautan dalam Agenda Pembinaan Negara-Bangsa di Kepulauan Asia Tenggara

INTISARI: Laut dan lautan, secara tradisinya, telah menjadi sumber inspirasi untuk mencari kebenaran. Laut dan lautan adalah juga satu tempat yang mempunyai kelebihan tersendiri bagi menyatukan perhubungan di antara negara, membentuk semangat bersatu, saling memahami dan bersatu-padu, serta menjana kekayaan. Pada masa yang sama, laut dan lautan juga boleh bertukar fungsi sebagai medan konflik dan membawa kepada keruntuhan peradaban kerajaan-kerajaan tradisional pada zaman lampau, dan merenggangkan hubungan antara negara-bangsa. Makalah ini - dengan mengguna-pakai kaedah sejarah, pendekatan kualitatif, dan sorotan literatur - dibentang dan dibincang dengan tujuan untuk memperlihatkan kepentingan penelitian dan pendidikan sejarah kelautan kepada agenda pembentukan negara-bangsa di kepulauan Asia Tenggara. Didalamnya dianalisis dan dikaji: (1) Penelitian dan Penulisan Sejarah Kelautan di Kepulauan Asia Tenggara; (2) Meluruskan Kembali Fakta Sejarah Kelautan di Kepulauan Asia Tenggara; (3) Sejauh Mana Pendidikan Sejarah Kelautan Menyumbang kepada Agenda Pembinaan Negara-Bangsa; serta (4) Kepentingan Sejarah Maritim: Antara Isu Persempadanan dan Tuntutan Negara-Bangsa.

KATA KUNCI: Kepentingan Sejarah Maritim; Masalah Persempadanan; Pembinaan Negara-Bangsa.

ABSTRACT: "The Education of Marine History in Building Agenda for Nation-States of South East Asian Archipelago". The sea and the oceans have traditionally been a source of inspiration for the truth. The sea and the ocean are also places that have their own advantages in uniting relations between nations, forming a united spirit, understanding and uniting, and generating the wealth. At the same time, seas and oceans can also function as a battlefield and lead to the collapse of the civilization of traditional governments in the past, and to deepen relations between nations. This paper - using historical methods, qualitative approaches, and literature reviews - is presented and discussed with the purpose of highlighting the importance of oceanographic research and education on the agenda of nation-building in the Southeast Asian archipelago. In it has been analyzed and studied: (1) Research and Writing of Marine History in the Southeast Asian Islands; (2) Reconstructing the Facts of Marine History in the Southeast Asian Islands; (3) the Extent to Which Marine History Education Contributes to the Nation's Building Agenda; and (4) the Importance of Maritime History: Between the Border Issues and the Claims of Nation-States.

KEY WORD: The Importance of Maritime History; Border Issues; Building of Nation-States.

About the Author: Prof. Dr. Ismail Ali ialah Profesor Penuh Sejarah dalam Pengajian Maritim pada Jabatan Sejarah UMS (Universiti Malaysia Sabah) di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia; dan Ketua Umum ASPENSI (Asosiasi Sarjana Pendidikan Sejarah Indonesia) untuk penggal 2018-2023, di Bandung, Jawa Barat, Indonesia. Alamat emel: ismailrc@ums.edu.my

Suggested Citation: Ali, Ismail. (2018). "Pendidikan Sejarah Kelautan dalam Agenda Pembinaan Negara-Bangsa di Kepulauan Asia Tenggara" in *HISTORIA: Jurnal Kajian Sejarah di Nusantara dan Dunia*, Volume 1(1), December, pp.11-32. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press owned by ASPENSI, p-ISSN 2621-8011 dan e-ISSN 2621-802X.

Article Timeline: Received (September 16, 2018); Revised (November 25, 2018); and Published (December 30, 2018).

PENDAHULUAN

Ilmu kelautan¹ dapat diertikan sebagai ilmu yang mempelajari segala hal-ehwal laut, samada dari aspek kemanusiaan atau *human oceanography*, yang merangkumi aktiviti perikanan, teknologi menangkap ikan, persempadanan, perundangan, dan sebagainya; aspek fizikal atau *physical oceanography*, yang merangkumi ilmu geologi laut atau *geological oceanography* dan ilmu *meteorology* tentang iklim dan cuaca; kimia laut atau *chemical oceanography*; dan biologi laut atau *biological oceanography* (Nontji, 1987; Sazlan, 2000; Steele, Turekian & Thorpe, 2001; Sverdrup, Duxbury & Duxbury, 2006; dan Ali, 2013a).

Kini timbul pula cabang baru dalam ilmu kelautan, iaitu ilmu kejuruteraan kelautan, atau *oceanengineering* atau *ocean engineering*, yang melibatkan bidang pembinaan kapal, petroleum dan gas, tenaga elektrik yang dikenali sebagai OTEC (*Ocean Temperature Electrical Conversion*), jeti, *sea-wall*, dan sebagainya (Steele, Turekian & Thorpe, 2001; Sverdrup, Duxbury & Duxbury, 2006; dan Ali, 2013a).

Bagi mereka yang mempelajari ilmu kelautan disebut sebagai peneliti laut (*oceanographer*); dan mereka yang menjurus kepakarannya dalam bidang ilmu kelautan disebut sebagai bidang kelautan atau maritim. Di Malaysia, Indonesia, Brunei Darussalam, dan Filipina, misalnya, peranan dan sumbangan Laut China Selatan, Laut

Sulu, Laut Celebes, Laut Jawa, Laut Banda, dan sebagainya, yang terangkum dalam Lautan Hindi dan Lautan Pasifik dalam sejarah pembinaan negara-bangsa berkenaan, juga dikenali sebagai "negara bahari" atau "negara kelautan", sememangnya tidak dapat disangkal lagi (Ramage, 1968; Lapien, 1991; dan Ali, 2013a dan 2016).

Bahkan, adalah tidak keterlaluan untuk diperkatakan bahawa sebahagian besar perubahan dan pembangunan di Malaysia dan Indonesia - dari sebuah negara tradisional kepada negara moden pada masa kini, termasuk negara-negara kepulauan dan tanah besar lain di rantau Asia Tenggara - adalah bertunjangan jasa bakti laut dan lautan yang telah dinyatakan di atas (*cf* Lapien, 1991; Ali, 2013a dan 2016; dan Marsetio, 2018).²

Kesedaran akan pentingnya laut kepada masyarakat dunia telah mendorong UNESCO (*United Nations Educational, Social, and Cultural Organization*), yang bernaung di bawah PBB (Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu), menggubal Undang-Undang Laut Bangsa-bangsa Bersatu yang dikuatkuasakan pada 16 November 1994, yang mengandungi 320 artikel dan merangkumi pelbagai aspek, seperti: persempadanan, kawalan alam sekitar, penyelidikan saintifik marin, aktiviti ekonomi dan perdagangan, pemindahan teknologi, penyelesaian pertikaian, dan lain-lain (Ali, 2013a dan 2016).³

¹Lautan dianggarkan meliputi 361 juta kilometer persegi (139 juta batu persegi), atau 71% dari permukaan bumi, dengan jumlah isi padu lautan dianggarkan 1,348 juta padu kilometer (324 juta padu batu), mempunyai purata kedalaman lautan ialah 3,733 meter (12,247 kaki); kawasan yang paling dalam sekali ialah 11,022 meter (36,163 kaki) dan di tempat yang paling dalam sekali, tekanan air ialah 1 tan per sentimeter persegi (8 tan per inci persegi), atau bersamaan satu orang cuba menahan 50 buah jet jumbo. Untuk penjelasan lanjut, sila lihat Anugerah Nontji (1987); Iskandar Sazlan (2000); J. Steele, K. Turekian & S. Thorpe (2001); Keith A. Sverdrup, Alyn C. Duxbury & Alison B. Duxbury (2006); dan Ismail Ali (2013a).

²Lihat juga, contohnya, "Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia" dalam *Wikipedia: Ensiklopedia Bebas*. Wujud secara online pula di: https://ms.wikipedia.org/wiki/Agensi_Penguatkuasaan_Maritim_Malaysia [dilayari di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 2hb Mei 2018]; dan "Kebijakan & Politik Maritim" dalam *PT Pelabuhan Indonesia I*, pada 3 Juni 2014. Wujud secara online pula di: <http://bumn.go.id/pelindo1/berita/8387> [dilayari di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 2hb Mei 2018].

³Lihat pula "The United Nations Convention on the Law of the Sea: A Historical Perspective". *Paper* was originally prepared for the International Year of the Ocean, in 1998. Available online also at: https://www.un.org/Depts/los/convention_agreements/convention_historical_perspective.htm [accessed in Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: May 2, 2018].

Artikel ini – dengan mengguna-pakai kaedah sejarah, pendekatan kualitatif, dan sorotan literatur (Hashim, 1988; Sjamsuddin, 2007; Mansyur, 2008; Hamzah, 2010; dan Hua, 2016) – mahukan mengkaji mengenai: (1) *Penelitian dan Penulisan Sejarah Kelautan di Kepulauan Asia Tenggara*; (2) *Meluruskan Kembali Fakta Sejarah Kelautan di Kepulauan Asia Tenggara*; (3) *Sejauh Mana Pendidikan Sejarah Kelautan Menyumbang kepada Agenda Pembinaan Negara-Bangsa*; serta (4) *Kepentingan Sejarah Maritim: Antara Isu Persepadanan dan Tuntutan Negara-Bangsa*.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Penelitian dan Penulisan Sejarah Kelautan di Kepulauan Asia Tenggara.

Sumber pensejarahan di kepulauan Asia Tenggara, semasa era tradisional sehingga sebelum meletusnya Perang Dunia II (1939–1945), nampaknya banyak bergantung kepada catatan dan rekod para pelayar, pedagang, pegawai, dan pendakwah Barat. Biasanya, segala catatan itu dibuat berdasarkan kepada pengamatan dan pertimbangan mereka sendiri, sama ada dari atas dek kapal mahupun dari tanah daratan (Lapian, 1991; Bee & Bala, 2005; dan Ali, 2013a dan 2016).

Contohnya, seorang pelayar dan pedagang Inggeris yang terkenal, iaitu Alexander Dalrymple (1808), semasa belayar dari Pulau Balambangan ke Jolo di Laut Sulu, Filipina, telah terserempak dengan sekumpulan nelayan Bajau sedang melakukan penyelaman dan pemungutan mutiara, serta mengabadikan pengamatan tersebut dalam buku catatannya (Dalrymple, 1808).

Thomas Forrest (1969) pula, yang dalam pelayaran dari Calcutta ke kepulauan Mergui, telah berpeluang melihat sendiri dan membuat catatan mengenai teknik pembuatan garam kasar oleh orang-orang Samal, Samal Bajau Laut, dan Kalibungan di Kabug

semasa pemerintahan kesultanan Sulu (Forrest, 1969:221).

Berbeza dengan pengamatan para pelayar dan pedagang, para pegawai tentera laut British pula, seperti Kapten Edward Belcher (1848); Kapten Rodney Mundy (1848); Kapten Henry Keppel (1874); dan lain-lain lagi, menggambarkan orang-orang Dayak Laut di muara dan hulu sungai Batang Lupar dan Batang Saribas di Sarawak (Borneo atau Kalimantan), yang terkenal dengan budaya *head hunters* (pemburu kepala), sebagai tidak bertamadun, ganas, dan merbahaya (Belcher, 1848; Mundy, 1848; dan Keppel, 1874).

Di selatan Filipina pula, Kapten Silver – sepertimana dipetik dalam J.F. Warren (2002) – menggambarkan orang-orang Iranun (Ilanun) sebagai: *so poor was the early eighteenth century image of the Iranun [...] branded them as murderers and man-eaters*, atau “begitu miskin adalah imej awal abad ke-18 dari Iranun [...] menjenamakan mereka sebagai pembunuh dan pemakan manusia” (dalam Warren, 2002:42). Manakala Thomas Forrest (1969), sepertimana telah dipetik juga dalam J.C. Van Leur (1960) dan Adrian B. Lapian (2009), menyifatkan kaum berkenaan sebagai *dangerous people* atau “orang-orang merbahaya” (Leur, 1960; Forrest, 1969; Lapian, 2009:1).

Secara keseluruhannya, gambaran, laporan, dan catatan oleh bangsa Barat terhadap pelbagai perkara di rantau Asia Tenggara, dari era tradisional sehingga sebelum meletusnya Perang Dunia II (1939–1945), adalah berasaskan kepada pengamatan dan pertimbangan secara spontan dari perspektif dunia Barat mereka dan bagi kepentingan kolonial; bukannya dari perspektif rantau ini. Selepas tamatnya Perang Dunia II, terutama dalam tahun 1960-an dan 1970-an, telah memperlihatkan perubahan dalam penulisan semula sejarah di rantau Asia Tenggara (Ahmad, 1991; Lapian, 1991; dan Ali, 2013b).

Dalam erti kata lain, penelitian dan penulisan yang dilakukan oleh pelbagai sarjana Barat dan tempatan tidak lagi dikongkong oleh sumber Barat dan rekod-rekod kolonial, tetapi mula menyelongkar rekod peribumi sendiri. Dari segi tema dan kerangka penelitian dan penulisan pula, nampaknya, lebih menjurus kepada persoalan *centricity* dan membahaskan apa itu fakta dan apa itu realiti sejarah dari pandangan dua dunia yang berbeda. Antaranya, sarjana yang dimaksudkan, termasuklah D.G.E. Hall (1955); W.F. Wertheim (1956); J.C. Van Leur (1960); John R.W. Smail (1961); dan John Bastin (1988) untuk rantau Asia Tenggara dan Indonesia secara am; atau James C. Ingram (1955) untuk kes di Thailand; atau Clifford Geertz (1960 dan 1963); O.W. Wolters (1967 dan 1970); dan Harry J. Benda (1972) untuk kes di Indonesia; atau Michael Adas (1974) untuk kes di Burma; atau Martin J. Murray (1980) untuk kes di Indo-China; atau John A. Larkin (1972) dan Benedict J. Kerkvliet (1979) untuk kes di Filipina; dan lain-lain lagi (*cf* Hall, 1955; Ingram, 1955; Wertheim, 1956; Geertz, 1960 dan 1963; Leur, 1960; Smail, 1961; Wolters, 1967 dan 1970; Benda, 1972; Larkin, 1972; Adas, 1974; Kerkvliet, 1979; Murray, 1980; dan Bastin, 1988).

Para sarjana itu mula mempertikaikan akan kebenaran dan kesahihan fakta sejarah yang ditulis oleh para sarjana sebelum Perang Dunia II, yang dikatakan lebih bersifat *Western-centric* dan bias, yakni menulis sejarah dari kaca mata mereka tanpa memahami sejarah lokal dengan sebenar-benarnya; dan ditulis untuk kepentingan kolonial itu sendiri (Bastin, 1988; Ahmad, 1991; dan Ahmad & Suwirta eds., 2007).

Permasalahan itu sendiri diperakui oleh sarjana Belanda, bernama J.C. Van Leur (1960), dengan membuat satu kesimpulan yang cukup bertenaga, dan juga dipetik dalam Adrian B. Lopian (2009), yang berbunyi seperti berikut:

[...] much of Asia history has in the past been observed from the decks of European ships, from the ramparts of the fortress, the high gallery of the trading-house (Leur, 1960; dan Lopian, 2009:1).

Terjemahan:

[...] banyak sejarah Asia pada masa lalu telah diperhatikan dari dek kapal-kapal Eropah, dari benteng-benteng, galeri tinggi rumah dagangan.

Di Indonesia, kesedaran akan kepincangan penulisan sejarah maritim yang bercorak Indonesia-sentrik telah disuarakan secara lantang oleh Adrian B. Lopian (2009), dan sarjana lainnya, dengan menyarankan agar pendekatan hendaknya bersifat “Indonesia-Sentris”, yakni sejarah dari dalam yang juga bererti pendekatan melalui geladak kapal pribumi (Lopian, 2009; Ahmad & Suwirta eds., 2007; dan Abdullah, 2016). Manakala di Malaysia, kepincangan penulisan sejarah maritim juga telah dibangkitkan oleh Mohammad Raduan Mohd Ariff & Shahril Talib (1995), dalam makalahnya berjudul “Penulisan dan Realiti Sejarah Asia Tenggara: Satu Persoalan”, yang mana mereka menyatakan seperti berikut:

Satu persoalan yang telah menjadi pokok perhatian adalah di antara kesahihan ilmu sejarah dan realiti sejarah. Sejarah yang dimaksudkan di sini bukanlah sejarah kronologi yang sempit, tetapi sejarah dalam erti kata yang lebih luas yang menyingkap masa lampau dengan menitikberatkan proses-proses sosial, politik, dan ekonomi [...] dan juga tidak bijak menganalisa sejarah dengan pendekatan satu-satu negara bangsa [...]. Ini dilakukan atas kesedaran dan keinsafan bahawa wadah ilmu berhubung sejarah negara-bangsa jauh berbeza dengan keadaan sebenar yang berlaku (Ariff & Talib, 1995:131).

Atas kesedaran tersebut, maka para sarjana mula melakukan penelitian dan penulisan semula sejarah maritim di rantau Asia Tenggara dari perspektif *Asian-centric* dan *scholarship of scholars* dari pelbagai pendekatan,

ruang, dan tema. Antara sarjana Barat dan tempatan yang telah berjaya menulis semula sejarah maritim di Asia Tenggara, sebelum dan semasa era penjajahan, termasuklah: J.C. Van Leur (1960); O.W. Wolters (1967 dan 1970); Melink Roelofsz (1979); Kenneth R. Hall (1985); Muhammad Yusof Hashim (1988); Lynda Norene Shaffer (1996); Anthony Reid (1988 dan 2000); Adrian B. Lopian (2008 dan 2009); dan lain-lain lagi.

Misalnya, sejarah maritim zaman tradisional telah dikaji dan ditulis oleh J.C. Van Leur (1960), dalam karyanya yang berjudul *Indonesian Trade and Society: Essay in Asian Social and Economic History*, yang membicarakan sejarah perdagangan Asia dari awal hingga penglibatan VOC (*Vereenigde Oost-Indische Compagnie* atau Persatuan Kompeni Dagang Hindia Timur) di Asia Tenggara dengan memberi tumpuan kepada Indonesia (Leur, 1960).

Manakala Melink Roelofsz (1979), dalam karyanya yang berjudul *Asian Trade and European Influence in the Indonesian Archipelago between 1500 and about 1680*, membicarakan bagaimana penglibatan para pedagang Eropah dalam memacu perkembangan perdagangan di Asia (Roelofsz, 1979).

Meluruskan Kembali Fakta Sejarah Kelautan di Kepulauan Asia Tenggara. Seorang sarjana Barat yang namanya cukup sinonim dengan sejarah kelautan di rantau Asia Tenggara, iaitu Anthony Reid (1988 dan 2000), dalam karyanya yang berjudul *Southeast Asia in the Age of Commerce, 1450-1680, Volume 1: The Lands Below the Winds*; dan *Charting the Shape of Early Modern Southeast Asia*, telah memperlihatkan akan kepentingan laut di Nusantara sebagai laluan dan jambatan utama yang menghubungkan antara perdagangan Timur dan Barat setelah berakhirnya era kegemilangan *silk route*, atau jalan sutera, di tanah besar Asia (Reid, 1988 dan 2000).

Selain Anthony Reid (1988 dan

2000), penulisan yang dilakukan oleh Kenneth R. Hall (1985), dalam karyanya yang berjudul *Maritime Trade and State Development in Early Southeast Asia*, juga penting dalam memahami pertalian di antara perdagangan laut dengan kemunculan kerajaan-kerajaan awal di Asia Tenggara (Hall, 1985; dan Reid, 1988 dan 2000).

Begitu juga dengan O.W. Wolters (1967 dan 1970), dalam karyanya yang berjudul *Early Indonesian Commerce: A Study of the Origin of Srivijaya*; dan *The Fall of Srivijaya in Malay History*, telah memperlihatkan pengaruh maritim kepada keruntuhan kerajaan Srivijaya pada abad ke-7 hingga ke-14 Masihi, yang berpusat di Palembang, Sumatera Selatan, Indonesia (Wolters, 1967 dan 1970).

Tidak kurang juga pentingnya karya berjudul *Maritime Southeast Asia to 1500*, oleh Lynda Norene Shaffer (1996), yang membicarakan secara terperinci wilayah dan kerajaan awal maritim di Asia Tenggara, seperti: Funan, Srivijaya, Singasari, Majapahit, dan Mataram-Islam (Shaffer, 1996). Penelitian dan penulisan oleh George Coedes (1971), dalam *The Indianized States of Southeast Asia*; dan Paul Michel Munoz (2006), dalam *Early Kingdoms of the Indonesian Archipelago and the Malay Peninsula*, pula telah memperlihatkan proses Indianisasi beberapa kerajaan-kerajaan awal maritim di Asia Tenggara (Coedes, 1971; dan Munoz, 2006). Melalui penelitian dan penulisan semula sejarah Asia Tenggara oleh para sarjana Barat dan tempatan dari perspektif atau kaca mata Timur ini telah membolehkan pelbagai fakta ditafsir dan dikoreksi semula.

Izinkan saya mengambil sejarah dan budaya perlanunan di kepulauan Asia Tenggara sebagai contoh. Persoalan menghapuskan lanun, atau bajak laut, dan amalan pemburuan hamba merupakan antara agenda penting dalam sejarah penjajahan Barat di rantau Asia Tenggara. Pada pihak

penjajah Barat telah menganggapnya sebagai satu perbuatan jenayah berat dan tidak bertamadun, dengan melabelkan pelakunya sebagai: *pirates, savage seaborne terrorists, robbers of the sea, murderers and man-eaters, dangerous people*, dan sebagainya (Ali, 2013b).

Owen Rutter (1930), dalam karyanya yang berjudul *The Pirate Wind: Tales of the Sea-Robbers of Malaya*, pula telah menggelar “lanun” di Asia Tenggara sebagai *Vikings of the Eastern Seas*, yang menyamai orang-orang Viking yang cukup digeruni di Eropah; dan menggambarkan kehebatan mereka, sebagai berikut:

No merchant ship of the colonial powers and no shore village was immune from their attack [...] European, American, Chinese, and native vessels who had been sold into slavery (Rutter, 1930).

Terjemahan:

Tiada kapal dagang daripada kuasa penjajah dan tiada kampung-perkampungan yang kebal dari serangan mereka [...] bangsa Eropah, Amerika, China, dan kapal-kapal asli telah dijual ke dalam perhambaan.

Dalam penelitiannya itu, Owen Rutter (1930) dan sarjana lainnya telah memperlihatkan bagaimana isu melanun dan pemburuan hamba oleh orang Iranun, Balangingi, dan Dayak Laut (*Sea Dayaks*) telah dijadikan alasan oleh British, Belanda, dan Sepanyol untuk campurtangan dan menjajah di dunia Melayu (*cf* Rutter, 1930; Warren, 2002; dan Ali, 2013b).

Walau bagaimanapun, tohmahan itu telah diperbetulkan semula oleh sarjana seperti Anne Reber (1966); Caser Adib Majul (1978); Nicholas Tarling (1990); James F. Warren (2002); Ahmad Jelani Halimi (2006); Adrian B. Lopian (2009); dan lain-lain lagi. Contohnya, Nicholas Tarling (1990), melalui karyanya yang berjudul *Piracy and Politics in the Malay World: A Study of British*

Imperialism in the Nineteenth Century South East Asia, telah mempersoalkan penggunaan istilah *piracy* kepada orang Iranun, Balangingi, dan Dayak Laut di Asia Tenggara oleh Barat; dan justru menganggapnya sebagai *honorable activity*, jika difahami dari segi etno-sejarah (Tarling, 1990).

Manakala James F. Warren (2002), dalam karyanya yang berjudul *Iranun and Balangingi: Globalization, Maritime Raiding, and the Birth of Ethnicity*, menyatakan bahawa *marauding activities and maritime slave riding* oleh orang Iranun, dari perspektif sejarah-kebudayaan Iranun, adalah sebagai:

[...] honorable occupation [...] no stigma associated with the cultural label “marauder” [...] the Iranun world saw them as “born and bred” to a life of maritime marauding, which they simply regarded as a means of living and not as a notorious criminal occupation (Warren, 2002:43).

Terjemahan:

[...] pekerjaan terhormat [...] tiada stigma yang dikaitkan dengan label kebudayaan “perompak” [...] dunia Iranun melihat mereka sebagai “dilahirkan dan dibesarkan” untuk perampasan dalam kehidupan maritim, yang mana mereka telah memandangnya sebagai cara hidup dan bukan sebagai penjenayah yang terkenal.

Masih lagi menurut James F. Warren (2002), pandangan negatif tersebut berlaku kerana, seperti berikut:

[...] on the eighteenth century, the Iranun dan Balangingi world was still usually observed from the deck of the ship, the ramparts of the fortress, and the high gallery of the trading-house; and consequently this world remainde “grey and undifferentiated” (Warren, 2002:45).

Terjemahan:

[...] pada abad kelapan belas, alam bangsa Iranun dan Balangingi masih lagi selalunya diperhatikan dari dek kapal, benteng-benteng, dan galeri tinggi rumah perdagangan; dan akibatnya alam

bangsa ini kekal “kelabu dan tidak dapat dibezakan”.

Kenyataan tersebut di atas telah diperkukuhkan oleh Anne Reber (1966) sebelumnya, dalam tesis yang tidak diterbitkan dan bertajuk “The Sulu World in the 18th and Early 19th Centuries: A Historiographical Problem in British Writings on Malay Piracy”, yang mana menyatakan bahawa berlakunya *historical misconception* oleh British tentang *Malay pirates*, dengan merumuskan bahawa budaya merompak bukanlah sifat semulajadi Iranun, Balangingi, dan Dayak Laut, tetapi kerana keperluan tenaga buruh sebagai kesan daripada perkembangan perdagangan Barat-China dan tekanan dari Sepanyol di Filipina (Reber, 1966).

Di Filipina pula, Caser Adib Majul (1978), dalam bukunya bertajuk *Muslim in the Philippines*; dan Julasari Hajad (2007), dalam karyanya yang berjudul *Tausug & Kesultanan Sulu*, melihat perbuatan merompak dan menawan anak kapal dagang Sepanyol oleh orang Iranun dan Balangingi dilihat sebagai satu “jihad” rakyat Sulu dalam menentang penyebaran agama Kristian oleh pihak Sepanyol di Filipina (Majul, 1978; dan Hajad, 2007).

Bagi para sarjana yang telah disebut di atas, persoalan “perlanunan” yang berlaku di Tanah Melayu (Selat Melaka), Kepulauan Borneo, Indonesia, dan Filipina wujud justru merupakan satu bentuk “tindakbalas setempat” sebagai akibat daripada proses penjajahan Barat sendiri, yang telah memonopoli perdagangan, merampas kuasa pemerintah tempatan, penyebaran agama Kristian (kes Filipina), dan akhirnya menjajah Tanah Air mereka (*cf* Reber, 1966; Majul, 1978; Tarling, 1990; Warren, 2002; Hajad, 2007; Halimi, 2006; dan Lapian, 2009).

Pada hari ini, fokus penelitian dan penulisan berhubung sejarah kelautan di kepulauan Asia Tenggara, nampaknya, tidak lagi terbatas kepada

sejarah *perse*, tetapi berpaksikan *problem oriented* dan menggunakan pendekatan interdisiplin, seperti sosiologi, antropologi, ekonomi, sains politik, dan sebagainya, untuk memahami persoalan kontemporer maritim (*cf* Hashim, 1988; Ahmad, 1991; Kartodirdjo, 1992; Fitriisia, 2006; dan Sjamsuddin, 2007).

Dari segi fokus dan tema penelitian pula adalah pelbagai, yang merangkumi jenayah seperti penganas, penyeludupan, pendatang asing; tuntutan bertindih wilayah dan persempadanan; budaya dan kesenian seperti kampung air, seni ukir; ekonomi seperti eko-pelancongan, penangkapan ikan, carigali minyak dan gas; komuniti laut; dan sebagainya. Contohnya adalah yang diamalkan oleh David E. Sopher (1965), dalam karyanya bertajuk *The Sea Nomads: A Study of the Maritime Boat People of Southeast Asia*; Clifford Sather (1997), dalam karyanya berjudul *The Bajau Laut: Adaptation, History and Fate in a Maritime Fishing Society of South-Eastern Sabah*; Christian Pelras (2006), dalam *Manusia Bugis*; dan Francois Robert Zacot (2009), dalam *Orang Bajo Suku Pengembara Laut*, telah memfokuskan penelitian mereka terhadap masyarakat Bajau Laut (*sea-nomads*) dan orang Bugis dengan menggunakan pendekatan sejarah dan antropologi (Sopher, 1965; Sather, 1997; Pelras, 2006; dan Zacot, 2009).

Selain itu, bidang arkeologi maritim juga mula mendapat perhatian yang disebabkan oleh penemuan pelbagai bentuk khazanah yang cukup bernilai daripada ratusan kapal tenggelam di dasar Laut China Selatan, Laut Sulu, Laut Celebes, Laut Jawa, dan lain-lain lagi (Bee & Bala, 2005; Fitriisia, 2006; dan Mansyur, 2008).

Sementara itu, Derek Johnson & Mark Valencia (2005), dalam karyanya yang berjudul *Piracy in Southeast Asia: Status, Issues, and Responses*, telah menganalisis persoalan perlanunan dari perspektif terorisme (Johnson

& Valencia, 2005). Manakala Agus S. Djamil (2004), dalam karyanya yang berjudul *Al-Quran dan Lautan*, pula telah membicarakan maritim dari perspektif agama Islam (Djamil, 2004).

Berdasarkan kepada perbincangan di atas jelas memperlihatkan berlakunya satu transformasi dalam penelitian dan penulisan bidang maritim di Asia Tenggara. Bermula dari *Western-centric* sebelum Perang Dunia II (1939–1945) telah beralih kepada *Asian-centric* selepas Perang Dunia II, dan kini lebih bersifat *problem oriented* yang lebih cenderung mencari perbezaan dan permasalahan daripada memperlihatkan persamaan sejarahnya yang harus dikongsi dan milik bersama.

Sejauhmana Pendidikan Sejarah Kelautan Menyumbang kepada Agenda Pembinaan Negara-Bangsa.

Jika ditinjau secara rambang dari aspek penelitian, penulisan, dan penerbitan dalam pelbagai bidang dan disiplin ilmu, nampaknya lebih berpaksikan tanah daratan (70%) daripada kelautan (30%), walaupun dari segi fakta dan realiti geografis bumi menunjukkan air (70%) lebih banyak daripada tanah daratan (30%). Mengapakah keadaan ini berlaku? Pelbagai sebab dan musabab boleh menjelaskan mengapa keadaan ini berlaku, seperti sumber dan rekod di daratan lebih mudah diperolehi daripada lautan; penelitian di tanah daratan lebih mudah berbanding lautan; pendedahan kepada ilmu daratan lebih menonjol daripada ilmu kelautan; dan sebagainya (Lapian, 1991; Ali, 2013a dan 2016; Hamid, 2015; dan Marsetio, 2018).

Pada hari ini, kesedaran akan pentingnya penelitian dan penulisan semula sejarah kelautan, nampaknya, mula terpancar di kalangan para sarjana dan pemerintah setelah menyedari kepentingan dan kekuatan maritim dalam merealisasikan agenda pembentukan negara-bangsa, yang masih lagi belum selesai dan persoalan serantau. Kepentingan meneliti dan menulis semula ilmu maritim dari

perspektif Indonesia khususnya, dan Asia Tenggara amnya, telah disuarakan secara lantang oleh Adrian B. Lapian (2009), seperti berikut:

Studi sejarah Indonesia hingga sekarang lebih banyak mementingkan peristiwa yang terjadi di darat, walaupun sesungguhnya lebih dari separuh wilayah Republik Indonesia terdiri dari laut [...]. Dengan demikian, ada bagian yang besar dari pengalaman dan kegiatan penduduk Nusantara pada masa lampau, yang lolos dari pengamatan dan penelitian sejarawan bangsa kita [...] perhatian terhadap aspek maritim bukan lagi merupakan hal yang pantas dilakukan, melainkan menjadi sesuatu yang wajib mendapat prioritas istimewa (Lapian, 2009:1–2).

Secara geografisnya, negara-negara di kepulauan Asia Tenggara adalah berkonsepkan *archipelagic state*, yakni dikelilingi oleh pelbagai laut dan menerima pengaruh dua lautan utama dunia, iaitu Lautan Hindi dan Lautan Pasifik (Tangsubkul, 1984; Ali, 2013a; dan Marsetio, 2018). Dalam konteks ini, Alfred Thayer Mahan (1965), yang terkenal dengan teori *Sea Power*, telah memperlihatkan pentingnya bagi sesebuah kuasa dunia untuk menguasai lautan bagi kestabilan ekonomi dan politik sesebuah negara (Mahan, 1965).

Umpamanya, Indonesia merupakan sebuah negara bahari terbesar di Asia Tenggara, dengan memiliki keluasan laut kira-kira 5.8 juta km², iaitu laut teritorial dengan luas 0.8 juta km², laut Nusantara dengan luas 2.3 juta km², dan ZEE (Zon Ekonomi Eksklusif) seluas 2.7 juta km². Selain memiliki keluasan laut, Indonesia juga mempunyai bilangan pulau yang berbilang, iaitu kira-kira 17,480 buah; dan garis pantai sepanjang 95,181 km² yang merupakan garis pantai terpanjang keempat di dunia setelah Rusia (Lapian, 1991; Djalal *et al.*, 2007; dan Marsetio, 2018).

Selain Indonesia, Malaysia yang terdiri daripada Semanjung Tanah Melayu, Sabah, dan Sarawak, juga turut dikategorikan sebagai sebuah negara maritim dengan keluasan garis

pantai kira-kira 4,490 km² dan ZEE seluas 598,450 km². Berdasarkan fakta geografis itu jelas menunjukkan betapa luasnya laut wilayah dan kekayaan sumber alam, seperti perikanan, gas, dan petroleum, yang dimiliki oleh negara-negara di rantau Asia Tenggara (Ali, 2013a dan 2016).

Peter Aughton (2007), dalam karyanya yang berjudul *Voyages that Changed the World*, telah memperlihatkan bagaimana pelayaran mengharungi laut dan lautan di dunia yang dilakukan oleh para pelayar, samada untuk tujuan perdagangan, penyebaran agama, penjajahan, petempatan (koloni), mahupun pengembaraan, telah mengubah sejarah dunia. Dalam karyanya itu, Peter Aughton (2007) telah memperlihatkan kesungguhan dan kegigihan para pelayar ternama dunia, sejak zaman primitif kepada zaman moden, dalam mengharungi ombak dan badai, semata-mata untuk mencapai impian masing-masing. Menurut Peter Aughton (2007) lagi, hasil daripada pelayaran itulah yang telah berjaya menghubungkan dan membina peradaban manusia hingga ke hari ini (Aughton, 2007).

Louise E. Levathes (1994), dalam karyanya yang berjudul *When China Ruled the Seas: The Treasure Fleet of the Dragon Throne, 1405-1433*, memperlihatkan bagaimana laut telah menjadikan China sebagai sebuah kuasa maritim, pada tahun 1405-1433, yang begitu digeruni dunia melalui tujuh siri pelayaran yang dinakhodakan oleh Laksmana Zheng He, bersama armadanya yang dikenali sebagai *The Treasure Fleet* ke Nusantara, India, dan Afrika. Selain pelayar Eropah dan China, para pelayar tempatan bangsa Melayu juga tidak kurang hebatnya dalam sejarah pembinaan peradaban dunia (cf Levathes, 1994; Paine, 2013; dan Ali, 2013a dan 2016).

Robert Dick-Read (2008), dalam karyanya yang berjudul *Penjelajah Bahari: Pengaruh Peradaban Nusantara*

di Afrika, telah memperlihatkan kegigihan pelaut Indonesia mengharungi Lautan Hindi dan mendarat serta membuka petempatan di Madagaskar dan Afrika (Dick-Read, 2008).

Manakala Leonrad Y. Andaya (1990), dalam karyanya yang berjudul *The Heritage of Arung Palaka: A History of South Sulawesi (Celebes) in the Seventeenth Century*; dan Christian Pelras (2006), dalam karyanya yang berjudul *Manusia Bugis*, telah memperlihatkan kegigihan pelayar Bugis dalam Laut Nusantara sebelum era kolonial Belanda. Bahkan Leonrad Y. Andaya (1990) telah memperlihatkan keagungan para pelayar dan pelaut bangsa Indonesia sampai ke Afrika lebih awal, yakni sekitar abad ke-5 Masihi dari Zheng He dan Columbus lagi (cf Andaya, 1990; Pelras, 2006; dan Dick-Read, 2008).

Kesedaran pemerintah Indonesia terhadap maritim, nampaknya, telah diusahakan oleh Pusat Kajian Sejarah dan Budaya Maritim Asia Tenggara, Lembaga Penelitian UNDIP (Universiti Diponegoro) di Semarang, Jawa Tengah, dengan kerjasama Departemen Kelautan dan Perikanan RI (Republik Indonesia), melalui penerbitan buku berjudul *Sejarah Maritim Indonesia: Menelusuri Jiwa Bahari Bangsa Indonesia hingga Abad ke-17*. Penerbitan buku itu merupakan satu usaha daripada pihak pemerintah Indonesia untuk menggali semula kejayaan bahari bangsa Indonesia, sejak zaman pra-sejarah hingga abad ke-17 Masihi, bagi membangkitkan kembali semangat kesatuan dan persatuan bangsa Indonesia, yang kini sedang mengalami perpecahan (cf Lemlit UNDIP, 2010; Hamid, 2015; dan Marsetio, 2018).

James F. Warren (1981), dalam karyanya yang berjudul *The Sulu Zone, 1768-1898: The Dynamics of External Trade, Slavery, and Ethnicity in the Transformation of a Southeast Asian Maritime State*, telah membicarakan

secara terperinci akan kemunculan kerajaan Sulu di Philippines selatan sebagai sebuah kuasa maritim di kepulauan Asia Tenggara pada abad ke-18 hingga ke-19 Masihi (Warren, 1981).

Adrian B. Lopian (1991), seorang sarjana terunggul dalam sejarah maritim Indonesia, mengatakan bahawa sejarah Indonesia adalah sejarah bahari. Dalam pidatonya yang berjudul “Sejarah Nusantara: Sejarah Bahari”, pada tahun 1991, sempena pengukuhan *Guru Besar* (Profesor Penuh) di Fakulti Sastra UI (Universiti Indonesia) di Depok, Jawa Barat, beliau telah memperlihatkan akan kepentingan maritim di Nusantara sebagai latar utama kepada pembentukan sejarah Nusantara, dan bukannya dilihat sebagai sejarah pinggiran sahaja. Sebagai intipati kepada pidatonya, Adrian B. Lopian (1991) secara tegas menyatakan bahawa jika berbicara tentang sejarah Nusantara, maka mahu tak mahu aspek kelautan patut diperhatikan. Malahan lebih dari itu, apabila berbicara tentang sejarah Nusantara, maka dengan sendirinya aspek maritim akan selalu menonjol. Tanpa aspek ini, maka sejarahnya hanya berkisar kepada pulau yang terpisah-pisah sahaja. Dalam erti kata lain, Adrian B. Lopian (1991) berpendapat bahawa sejarah Nusantara (Asia Tenggara) harus dilihat dari perspektif global, dan bukannya sejarah setempat atau negara-bangsa itu sahaja (Lopian, 1991).

Pendekatan sejarah kelautan Indonesia harus melihat seluruh wilayah perairannya sebagai pemersatu, yang mengintegrasikan ribuan pulau yang terpisah-pisah. Dalam syarahan perdananya, Adrian B. Lopian (1991) memperlihatkan bagaimana laut di Nusantara (Laut Jawa, Laut Flores, Laut Banda, dan Laut Celebes) memainkan peranan penting dalam menghubungkan dan menyatukan masyarakat darat-pulau di Indonesia. Hasil daripada pelayaran nenek-moyang

pula telah memperlihatkan penyebaran bahasa Indonesia (Lopian, 1991).

Kesinambungan dari itu, Adrian B. Lopian (2008 dan 2009) juga telah menerbitkan beberapa buah karya sejarah maritim, seperti *Pelayaran dan Perniagaan Nusantara Abad ke-16 dan 17*; dan *Orang Laut, Bajak Laut, Raja Laut: Sejarah Kawasan Laut Sulawesi Abad XIX*, untuk memperlihatkan sejarah kegemilangan dan kedinamikan bahari di kepulauan Asia Tenggara pada era berkenaan (Lopian, 2008 dan 2009).

Dengan meneliti kembali sejarah tradisional (kuno) dan moden di rantau Asia Tenggara, jelas memperlihatkan bahawa wilayah di rantau ini, seperti Indonesia, Malaysia, dan Filipina – walaupun telah berdiri sebagai sebuah negara-bangsa yang tersendiri, namun tetap memiliki satu sejarah dan budaya maritim yang sama. Dalam erti kata lain, walaupun wilayah-wilayah di rantau Asia Tenggara telah mengalami pelbagai perubahan menerusi perubahan masa, namun identiti sejarah dan budaya lautnya, nampaknya, masih tidak banyak berubah dan masih boleh dilihat pada hari ini, yang dianggap sebagai milik bersama atau budaya sepunya (Fitrisia, 2006; Ali, 2013a dan 2016; dan Ahmad, 2017).

Berdasarkan kepada rekod dan penulisan para sarjana terdahulu, jelas memperlihatkan pengaruh Laut Nusantara dalam pembentukan kerajaan-kerajaan maritim, dan sebagai jalan perdagangan utama kepada pengembara dan kapal dagang yang datang dari sebelah Barat melalui Lautan Hindi dan dari Timur melalui Lautan Pasifik, serta perahu peribumi untuk menjalankan pelbagai aktiviti perdagangan (Tangsubkul, 1984; Lopian, 1991; Fitrisia, 2006; Asnan, 2007; dan Ali, 2013a dan 2016).

Contohnya, pengaruh maritim dalam sejarah pembentukan dan kemakmuran kerajaan-kerajaan tradisional di rantau Asia Tenggara, sebelum era kolonial, telah diperjelaskan dengan panjang-

lebar oleh beberapa sarjana, seperti James F. Warren (1981), dalam *The Sulu Zone, 1768-1898: The Dynamics of External Trade, Slavery, and Ethnicity in the Transformation of a Southeast Asian Maritime State*; Kenneth R. Hall (1985), dalam *Maritime Trade and State Development in Early Southeast Asia*; dan Anthony Reid (1988), dalam *Southeast Asia in the Age of Commerce, 1450-1680, Volume 1: The Lands Below the Winds* (Warren, 1981; Hall, 1985; dan Reid, 1988).

Sementara itu, kepentingan laut Nusantara kepada para pedagang Eropah, seperti Belanda, Portugis, British, Sepanyol, dan lain-lain lagi, semasa era kolonial, telah dijelaskan oleh J.C. Van Leur (1960), dalam *Indonesian Trade and Society: Essays in Asian Social and Economic History*; dan Melink Roelofsz (1979), dalam *Asian Trade and European Influence in the Indonesian Archipelago between 1500 and about 1630*. Melalui penelitian dan penulisan semula sejarah Asia Tenggara oleh para sarjana Barat dan tempatan, dari perspektif atau kaca mata Timur, telah membolehkan pelbagai fakta ditafsir dan dikoreksi semula (*cf* Leur, 1960; Roelofsz, 1979; Lapien, 1991; Fitriisa, 2006; dan Ali, 2013a dan 2016).

Kepentingan Sejarah Maritim: Antara Isu Persepadanan dan Tuntutan Negara-Bangsa. Pada masa kini, isu dan persoalan serantau, seperti tuntutan bertindih, pendatang tanpa izin, pengganas atau lanun, penyeludupan, pencerobohan kedaulatan perairan, dan lain-lain lagi, yang membabitkan pelbagai negara-bangsa di rantau Asia Tenggara, nampaknya, berakar umbi daripada apa yang telah diputuskan oleh sejarah masa lalu, seperti penentuan persempadanan maritim Malaysia (British) dengan Indonesia (Belanda) dan Filipina (Amerika Syarikat); pengisytiharan wilayah pelantar laut dan wilayah perairan di pantai timur Borneo Utara pada tahun 1954 oleh

Kerajaan British, yang dikenali sebagai *historic waters*; dan pengisytiharan wilayah pelantar laut dan wilayah perairan Sabah oleh kerajaan Malaysia pada tahun 1979, yang menimbulkan bantahan daripada negara-negara jiran di rantau Asia Tenggara (Ali, 2013a dan 2016; Gerstl & Strasakova, 2016; dan Ahmad, 2017/2018).

Contohnya, sejarah awal persempadanan maritim di Malaysia Timur (Sabah dan Sarawak), sebelum kemasukan kuasa-kuasa Barat, adalah didominasi oleh dua kesultanan iaitu kesultanan Brunei di pantai barat (Laut China Selatan) dan kesultanan Sulu di pantai timur dan utara Sabah (Laut Sulu dan Laut Celebes). Walau bagaimanapun, sejarah kemasukan dan pertapakan BNBC (*British North Borneo Chartered Company*) di Borneo Utara telah menimbulkan bantahan dari VOC (*Vereenigde Oost-Indische Compagnie* atau Syarikat Dagang Hindia Timur Belanda), yang mendakwa bahawa kepulauan Borneo adalah milik Belanda berdasarkan kepada Perjanjian Inggeris-Belanda pada tahun 1824, yang akhirnya membawa kepada penentuan persempadanan antara Inggeris-Belanda melalui Konvensyen 1891 Masihi.⁴

Selepas isu persempadanan British-Belanda selesai, pihak BNBC berhadapan dengan satu lagi masalah, iaitu berhubung kedudukan pulau-pulau yang terletak di luar lingkungan tiga liga laut, yang didakwa oleh kesultanan Sulu (Sultan Jamalul Kiram) adalah milik Sultan Sulu dan tidak termasuk dalam Pemberian 1878 Masihi.⁵ Permasalahan

⁴Kerja penetapan sempadan Borneo Utara (British) dengan Borneo Belanda telah dilakukan oleh pasukan juru ukur British dan Belanda pada tahun 1912, berasaskan Konvensyen 1891, dan kemudiannya disahkan oleh kedua-dua kerajaan dalam Konvensyen di London pada 28 September 1915. Peta rasmi pembahagian sempadan ini telah dikeluarkan pada tahun 1919. Lihat, selanjutnya, Trans Welman (2011); Ismail Ali (2013a dan 2016); S.M. Noor (2013); dan Suhaili Abdul Rahman & Kamarulnizam Abdullah (2018).

⁵Dalam surat Sultan Sulu, bertarikh 15 Januari 1899, kepada W.C. Cowie, menyatakan: "Datang kita menyatakan kepada sahabat kita, Tuan Cowie. Adapun pasal Pulo Baguan dan Taganak, kita suda chakap

ini telah diselesaikan melalui perjanjian pada 29 April 1903, apabila Sultan Jamalul Kiram bersetuju menyerahkan semua pulau-pulau,⁶ dalam lingkungan tiga liga laut, kepada BNBCC; dan pihak BNBCC pula bersetuju membayar \$ 300.00 setiap tahun dan \$ 3,200.00 bayaran tunggakan semenjak tahun 1878 kepada Sultan Sulu (Ali & Othman, 2012; Ali, 2013a; Aziz, 2016; dan Joko, 2017).

Perjanjian tersebut telah dibantah oleh Amerika Syarikat, kerana mendakwa bahawa pulau-pulau tersebut adalah milik kerajaan Filipina; dan permasalahan persempadanan antara Borneo Utara (British) dan Filipina (Amerika Syarikat) itu telah diselesaikan melalui beberapa siri perjanjian, seperti Konvensyen 1907 dan Konvensyen 1930 (Artikel III), dimana kerajaan Amerika Syarikat bersetuju menyerahkan pulau-pulau tersebut kepada British. Permasalahan penentuan persempadanan perairan di antara British (Borneo Utara) dengan Filipina timbul kembali, apabila kerajaan Filipina yang baru merdeka daripada Amerika Syarikat, pada tahun 1947, telah mengemukakan tuntutan ke atas Pulau Taganak dan Mangsee (Zakarian, 2010; Alipala & Rosau, 2013; Ali, 2013a dan 2016; dan Joko, 2017).

Pada 14 Oktober 1947, kerajaan British bersetuju untuk melepaskan kedua-dua pulau tersebut kepada kerajaan Filipina; dan ini telah mendorong waris kesultanan Sulu, iaitu Datu Ombra Amilbangsa, juga mengemukakan tuntutan ke atas Pulau Sipadan daripada British pada 6 Disember 1947. Isu pertindihan dan

kepada sahabat kita, tempoh sahabat kita di Labuan, maka kita harap dengan beribu-ribu harap kepada sahabat kita, buli-membulikan permintaan kita, maka kita sekarang ini handaklah plihara itu Pulo tiada masuk pajak kaluar daripada perjanjian adanya". Lihat, selanjutnya, Ismail Ali & Zaini Othman (2012); Ismail Ali (2013a); dan Eko Prayitno Joko (2017).

⁶Antara pulau-pulau yang termasuk dalam lingkungan ini, termasuklah Pulau Banggi hingga Teluk Sibuku, yang merangkumi Pulau Mulyangin, Mulyangin Kechil, Malawali, Tigabu, Taganak, Baguan, Mantabuan, Gaya, Omadal, Si Amil, Kapalai, Dinawan, dan lain-lain pulau yang berhampiran.

tuntutan yang berpanjangan ini akhirnya telah mendorong kerajaan British untuk mengisytiharkan wilayah pelantar laut dan wilayah perairan di pantai timur Borneo Utara pada tahun 1954, yang dikenali sebagai *historic waters* (Zakaria, 2010; Ali & Othman, 2012; Noor, 2013; dan Ali, 2013a dan 2016).

Selepas tahun 1963, kerajaan Malaysia telah mengkaji semula penentuan persempadanan wilayah pelantar laut dan wilayah perairan pantai timur, yang ditentukan oleh British pada tahun 1954 tersebut berdasarkan kepada Konvensyen Geneva 1958. Pelbagai rundingan telah diadakan, namun pihak kerajaan Indonesia enggan mengiktiraf Pulau Sipadan dan Ligitan sebagai milik Malaysia, sehinggalah kes ini diselesaikan oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa di The Hague, Belanda, pada tahun 2002, yang memihak kepada Malaysia (Dahlan, 2004; Ali, 2013a dan 2016; dan Rusiti, 2018).

Krisis penentuan persempadanan maritim antarabangsa Malaysia dengan negara jiran kembali berulang, apabila Malaysia memperluaskan sempadan pelantar benua melalui mengisytiharkan "Peta Sempadan Perairan dan Pelantar Benua Malaysia Tahun 1979" (Salleh, 2007; Weiss, 2010; Ali, 2013a dan 2016; dan Armandhanu, 2015).

Pada tahun 1988, rakyat di negara Malaysia terkejut dengan tindakan pihak kerajaan Indonesia, yang mencabar kesahihan pemilikan Pulau Sipadan dan Ligitan, sehinggalah ICJ (*International Court of Justice* atau Mahkamah Keadilan Antarabangsa) di The Hague, Belanda, pada tahun 2002, telah memutuskan bahawa kedua-dua pulau tersebut adalah milik Malaysia (Dahlan, 2004; Ali, 2013a dan 2016; dan Rusiti, 2018).

Selain isu pemilikan pulau, hubungan Malaysia-Indonesia juga turut bergolak melalui isu Ambalat, apabila Malaysia melalui PETRONAS (Petroliam Nasional Berhad) Carigali Malaysia memberikan

konsesi mencarigali minyak di zon ND-6 dan ND-7 kepada Syarikat Shell di zon Ambalat, pada 16 Febuari 2005; sedangkan Indonesia juga telah mengkonsesikan hak carigali minyak di kawasan tersebut kepada syarikat minyak dari Itali pada tahun 1999 dan syarikat minyak dari Amerika Syarikat pada tahun 2004. Walaupun isu pertikaian pertindihan sempadan maritim di antara Sabah (Malaysia) dengan Indonesia ini didiamkan buat sementara waktu, di atas semangat ASEAN (*Association of South East Asian Nations*), namun tentera laut kedua-dua negara sentiasa mengawasi dan bersiap siaga di perairan Ambalat (Salleh, 2007; Weiss, 2010; Kusumadewi, 2015; dan Ali, 2016).

Selain berhadapan dengan Indonesia berhubung isu Ambalat, kerajaan Malaysia juga berhadapan dengan isu tuntutan Pulau Bakungan Kecil di perairan Sandakan, apabila kerajaan Filipina mendakwa bahawa bahagian hujung Pulau Bakungan Kecil, yang ditandakan dengan pokok kelapa, merupakan garis sempadan antarabangsa Malaysia-Filipina (Ali & Othman, 2012; Ali, 2013a dan 2016; dan Armandhanu, 2015).

Dalam erti kata lain, kekeliruan dan kekaburan status per sempadan maritim antarabangsa ini, secara tidak langsung, telah mengundang pelbagai persoalan kepada hubungan serantau di kepulauan Asia Tenggara. Selain berhadapan dengan isu wilayah, negara-negara di rantau ini juga turut dibayangi dengan isu penyeludupan di sempadan. Dalam konteks ini, Timothy Green (1969) dan sarjana lainnya menyatakan bahawa penyeludupan telah berlaku sejak dahulu lagi dan dianggap sebagai *the world's oldest prosession*.⁷

⁷Timothy Green (1969) telah mendefinisikan penyeludup sebagai "[...] a person, who through no doubt highly blamable for violating the laws of his own country, is frequently incapable of violating those of natural justice, and would have been in every respect an excellent citizen had not the laws of the country made that crime which nature never meant to be so";

Kegiatan penyeludupan itu semakin sukar dibendung, kerana kawasan perairannya yang luas dan bersempadankan Filipina dan Indonesia, dan peranannya sebagai pusat perdagangan *barter* dalam konteks BIMP-EAGA atau *Brunei, Indonesia, Malaysia, and Philippines - East ASEAN Growth Area* (Dollah & Mohamad, 2006; Ali & Othman, 2012; dan Lord & Tangtrongjita, 2016).

Antara komoditi utama yang seringkali diseludup dari Filipina dan Indonesia, termasuklah minyak diesel, gula, beras, telur penyu, kayu malam dan kayu balak, rokok, pelbagai jenis kain batik, dadah (syabu), dan lain-lain lagi. Contohnya, pada 28 April 2005, Polis Marin Indonesia telah berjaya mematahkan kegiatan penyeludupan 300 batang kayu balak dari Nunukan (Indonesia) ke Tawau (Malaysia) berhampiran Sungai Sebakis di Kabupaten Nunukan. Pada tahun 2001 pula, Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja Sabah, Malaysia, telah berjaya mematahkan 1,952 kes penyeludupan di kawasan perairan Sabah, dengan nilai rampasan berjumlah MYR 5,351,771 atau lima juta tiga ratus lima puluh satu ribu tujuh ratus tujuh puluh satu Ringgit Malaysia (Ali & Othman, 2012; Dani, 2015; dan Ali, 2016).

Pada masa kini, kawasan sempadan perairan antarabangsa Malaysia (Kudat-Sandakan-Semporna) dengan Pulau Balabac, Tawi-Tawi, Cagayan, dan Palawan (Filipina) dan kawasan sempadan perairan antarabangsa Tawau-Pulau Sebatik (Malaysia) dengan Pulau Sebatik-Nunukan (Indonesia) merupakan antara kawasan utama kegiatan penyeludupan di Sabah. Pelbagai usaha telah diambil oleh kerajaan Malaysia, Filipina, dan Indonesia untuk membanteras kegiatan

makala menurut Akta Kastam 1967 (Semakan 1980) telah mentakrifkan "penyeludupan" sebagai segala bentuk kesalahan yang melanggar Akta Kastam 1967. Selanjutnya, lihat Timothy Green (1969); Ismail Ali & Zaini Othman (2012); dan Ismail Ali (2016).

berkenaan (Ali & Othman, 2012; Masya, 2018; dan Ali, 2016).

Kemasukan pendatang tanpa izin juga merupakan antara agenda utama yang selalu dibincangkan dalam mana-mana pertemuan para pemerintah pada masa kini. Contohnya, Malaysia berhadapan dengan masalah kemasukan pendatang tanpa izin, terutamanya dari Filipina yang biasanya dikaitkan dengan pergolakan politik di selatan kepulauan Filipina, iaitu apabila MNLF (*Moro National Liberation Front* atau Barisan Kemerdekaan Bangsa Moro), yang ditubuhkan pada tahun 1972 dan diketuai oleh Nur Misuari, menuntut kuasa autonomi sendiri (*Moro Nation*) di Pulau Mindanao; dan MILF (*Moro Islamic Liberation Front* atau Barisan Kemerdekaan Islam Moro) pimpinan Selamat Hashim mahu mewujudkan sebuah negara Islam yang merdeka dari kerajaan Manila, Filipina. Manakala kesediaan Allahuyarham Tun Datu Mustapha bin Datu Harun, selaku Ketua Menteri Sabah pada masa itu, menerima pelarian Islam dari pulau-pulau di selatan kepulauan Filipina dan misi kemanusiaan PBB atau Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (Kassim, 2009; Hamzah & Daud, 2016; dan Hidayat, Hajimin & Ibrahim, 2017).

Kebanyakan daripada pelarian perang Filipina, yang memasuki perairan Sabah, Malaysia, berasal dari pulau Cagayan, pulau Mindanao, pulau Zamboanga, pulau Tawi-Tawi, pulau Balabac, pulau Palawan, pulau Sibutu, pulau Tumindao, dan lain-lain pulau, yang terletak berhampiran dengan sempadan perairan antarabangsa Sabah-Filipina di Laut Sulu. Walaupun konflik di selatan Filipina telah berakhir, namun kemasukan warga Filipina ini nampaknya masih lagi berterusan, bukan lagi atas kapisiti “pelarian perang” tetapi sebagai “pendatang tanpa izin”, dan memasuki Sabah untuk tujuan ekonomi (Ali & Othman, 2012; Hamzah & Daud, 2016; dan Ajis *et al.*, 2017).

Untuk sampai ke pantai timur Sabah, para pendatang tanpa izin ini akan singgah terlebih dahulu di beberapa buah pulau berhampiran sempadan, seperti pulau Bakungan Besar, Pulau Taganak, pulau Lihiman, pulau Balabac, pulau Tumindao, dan lain-lain, sebelum menyusup masuk ke pulau-pulau berhampiran sempadan milik Malaysia pada waktu malam. Contohnya, pada bulan Julai 2003, Polis Marin Sabah telah menahan 53 pendatang tanpa izin warga Filipina yang cuba memasuki Sabah (Dollah *et al.*, 2003; Ali & Othman, 2012; dan Ali, 2016).

Kawasan perairan pelantar benua dan laut wilayah yang kaya dengan pelbagai spesies hidupan laut dan mempunyai nilai dagangan yang tinggi di pasaran antarabangsa juga telah menarik perhatian nelayan di rantau Asia Tenggara, termasuk dari negara Vietnam, China, Taiwan, Thailand, dan lain-lain lagi. Antara spesies kehidupan marin yang menjadi buruan nelayan-nelayan asing itu termasuklah ikan tuna, ikan yu (sirip), penyu (daging dan kulit), dan pelbagai jenis ikan pelagik (Darsono, 1999; Ali & Othman, 2012; Ali, 2016; dan SAM, 2017).

Di Malaysia, contohnya, Polis Marin Sabah telah menahan sebuah bot perikanan China, yang sedang menangkap penyu di kawasan perairan Mengalum di pantai barat Sabah, pada April 2005. Dalam serbuan tersebut, bot peronda Polis Marin Sabah telah menjumpai 160 ekor penyu (hidup dan mati), yang dipercayai ditangkap dan dibunuh untuk tujuan pasaran antarabangsa. Dalam Akta Perikanan Malaysia, tahun 1985, penyu merupakan antara spesies hidupan yang dilindungi dan sebarang aktiviti menangkapnya adalah dianggap satu kesalahan dan boleh didakwa di dalam Akta itu (Ali & Othman, 2012; Ali, 2016; dan SAM, 2017).⁸

⁸Lihat, contohnya, “Undang-Undang Malaysia, Akta 317: Akta Perikanan 1985”. Wujud secara online pula di: <https://www.mmea.gov.my/artikel/Akta/akta>.

Berdasarkan kepada temubual bersama Polis Marin dan Jabatan Perikanan Sandakan, Semporna, dan Tawau di Sabah, Malaysia menyatakan bahawa pencerobohan nelayan Filipina dan Indonesia ke kawasan perairan sempadan Sabah-Filipina-Indonesia merupakan satu perkara yang lumrah dan mustahil untuk dibanteras sepenuhnya, dan boleh mendatangkan ketegangan antara negara, jika mengambil tindakan yang terlalu drastik. Dalam erti kata lain, Polis Marin dan Jabatan Perikanan Sabah hanya akan mengambil tindakan drastik, sekiranya nelayan-nelayan asing tersebut berada terlalu jauh di zon perairan Sabah; dan tidak mengindahkan amaran Polis Marin dan Jabatan Perikanan, dan melampau pos kawalan tentera (Rustam, 2017; Ali, 2016; SAM, 2017; Masya, 2018; temubual dengan Responden A, 3/7/2016; temubual dengan Responden B, 10/7/2016; dan temubual dengan Responden C, 17/7/2016).

IMB (*International Maritime Bureau*), pada tahun 2000, pula telah meletakkan kawasan perairan kepulauan Asia Tenggara sebagai kawasan yang paling terdedah kepada ancaman lanun dan penganas.⁹ Artikel 100-107 yang terkandung dalam UNCLOS (*United Nations Convention on the Law of the Sea*) 1982, dan Konvensyen Geneva 1958, pula menjelaskan mengenai “aktiviti perlanunan dan penganas” dalam konteks maritim, iaitu:

[...] any illegal or violence or detention, or any act of depredation, committed for private ends by crew or the passengers of any ships or private aircraft, and directed (1) on the high seas, against another ship or aircraft, or against persons or property

[perikanan_1985.pdf](#) [dilayari di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: Ogos 31, 2018].

⁹Istilah tempatan yang biasa digunakan oleh Malaysia untuk merujuk “lanun” ialah *mundu*; dan di Indonesia pula dikenali sebagai *bajak laut*. Untuk mengetahui dengan lebih lanjut sejarah perlanunan di Malaysia dan di Indonesia, sila lihat semula Ahmad Jelani Halimi (2006); Adrian B. Lopian (2009); dan Ismail Ali (2016).

on board such ship or aircraft; (2) against a ship, aircraft, persons or property in a place outside the jurisdiction of any state; (3) any act of voluntary participation in the operation of a ship or of an aircraft with knowledge of facts making it a pirate ship or aircraft; and (4) any act including or of intentionally facilitating an act described in sub-paragraph a or b (dalam Ismail, 2016).¹⁰

Terjemahan:

[...] apa-apa haram atau kekerasan atau penahanan, atau apa-apa tindakan pembalakan, yang dilakukan untuk tujuan peribadi oleh kru atau penumpang mana-mana kapal atau pesawat peribadi, dan diarahkan (1) di laut yang tinggi, terhadap kapal-kapal terbang atau kapal terbang lain, di atas kapal atau pesawat udara itu; (2) terhadap kapal, kapal terbang, orang atau harta di suatu tempat di luar bidang kuasa mana-mana negeri; (3) apa-apa tindakan penyertaan sukarela dalam pengendalian kapal atau pesawat udara dengan pengetahuan tentang fakta yang menjadikannya sebagai kapal dan/atau kapal terbang; dan (4) apa-apa perbuatan termasuk atau dengan sengaja memudahkan suatu perbuatan yang diperihalkan dalam sub-perenggan a atau b.

Terdapat beberapa peristiwa atau insiden kegiatan rompakan dan penculikan pernah berlaku di kawasan perairan pantai timur Sabah, Malaysia; dan dikatakan dilakukan oleh sekumpulan manusia, yang dilabelkan sebagai “lanun”, dengan menggunakan laut sebagai modus operandinya dan berasal dari selatan kepulauan Filipina (Ali & Othman, 2012; Dollah & Hassan, 2012; dan Ali, 2016).

Dalam insiden penculikan di beberapa buah pusat peranginan, seperti di Pulau Sipadan, Pulau Pandanan, dan Kinabatangan, lanun-lanun ini telah menculik 21 tebusan, termasuk warga asing dari Perancis, Jerman, Afrika Selatan, Lebanon, Finland, dan Filipina di Pulau Sipadan, pada 24 April 2000; dan kemudiannya dibebaskan ekoran hasil perundingan antara wakil kerajaan Filipina, iaitu

¹⁰Lihat pula “United Nations Convention on the Law of the Sea”. Available online at: https://www.un.org/depts/los/convention_agreements/texts/unclos/unclos_e.pdf [accessed in Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: May 20, 2018].

Roberto Aventajado (bekas penasihat Presiden Estrada) dan wakil kerajaan Malaysia, iaitu Datuk Abdul Aziz Samsuddin dengan Komander Robot di Pulau Jolo, pada 24 Mei 2000 (Ali, 2016; Rustam, 2017; dan Yusa, 2018).

Pada 10 September 2000, kumpulan Abu Sayyaf, sekali lagi, menculik Mohd Noh Sulaiman, Joe Joseph Ongkinoh, dan Kan Wei Chong di Pulau Pandanan dan dibawa ke Jolo, termasuk kes penculikan di pusat peranginan di Kinabatangan, Sabah, Malaysia. Selain penculikan, terdapat juga beberapa insiden rompakan di Negeri Sabah, Malaysia, yang dikaitkan dengan kegiatan lanun yang dikatakan berasal dari selatan kepulauan Filipina dan telah memasuki perairan Sabah. Contohnya, pada 10 Februari 1996, sekumpulan perompak telah menyamun kedai emas Zaibo di Semporna; dan sekali lagi merompak kedai emas di Semporna pada 23 Mac 2006, dengan menggunakan senjata api M-16, *grenade launcher*, dan USA (*United States of America*) *carbine*, termasuk menyerang balai polis daerah Semporna, Sabah, Malaysia.¹¹

Terdapat pula beberapa buah pulau di sempadan perairan Sabah-Filipina, yang dikenalpasti sebagai sarang penjenayah dalam melakukan penculikan dan rompakan di laut dan pulau-pulau pelancongan di pantai timur Sabah, seperti pulau Bakungan Besar dan pulau Lihiman, pulau Bohayan, pulau Lagaan, dan pulau Baguan di bahagian Sandakan; dan pulau Tawi-Tawi, pulau Basilan, dan pulau Sibutu di bahagian Tawau, Sabah, Malaysia (Dollah *et al.*, 2003; Ali 2016; dan Masya, 2018).

Walaupun semua negara di kepulauan Asia Tenggara telah mencapai kemerdekaan dan bertaraf negara-bangsa, namun pada hari ini masih juga terdapat sekumpulan

¹¹Untuk penjelasan lanjut, sila lihat pula berita "Polis Lancar Operasi Buru Besar-besaran" dalam *Daily Express*. Sabah, Malaysia: 25 Mac 1996.

manusia yang masih lagi tidak mempunyai negara dan berstatus *stateless people*. Di pantai timur Sabah, misalnya, masih lagi wujud sekumpulan etnik yang dikenali sebagai *Bajau Laut* atau *Pala'u*, yang tidak diiktiraf oleh pemerintah Malaysia dan Filipina sebagai warganegara, dan mereka hidup secara berpindah-randah, yakni tinggal di beberapa buah pulau dan di dalam bot di kawasan persempadanan perairan Malaysia-Indonesia-Filipina (Embong, 2006; Ali, 2012; Liu *et al.* eds., 2015; dan BERNAMA, 2017).

KESIMPULAN ¹²

Sepertimana yang telah dijelaskan bahawa laut di kepulauan Asia Tenggara memainkan peranan yang cukup penting dalam pembinaan peradaban di rantau ini, seperti yang pernah dibuktikan oleh kerajaan Srivijaya dan Majapahit di Indonesia; kesultanan Melayu Melaka di Malaysia; kesultanan Brunei di Brunei Darussalam; dan kesultanan

¹²*Nota Campur*: Makalah ini - sebelum diedit-semak semula dan dikemaskini dalam bentuknya sekarang - pernah dibentang dan dibincang dalam agenda "Edu-Tourism with an International Conference on Politics of Education and its Implications toward Social, Cultural, and Human Resources Development in Southeast Asian Countries, pada 1-5 Ogos 2018 di Hotel Panyileukan, Cikole, Lembang, Bandung, Jawa Barat, Indonesia, yang dianjurkan oleh pihak ASPENSI (Asosiasi Sarjana Pendidikan Sejarah Indonesia). Saya merakamkan berbilang terima kasih kepada pihak AJK (Ahli Jawatan Kuasa) dan Pengerusi ASPENSI di Bandung, Jawa Barat, Indonesia, yang sudah memberi laluan dan peluang kepada saya untuk kongsi wawasan dan pengalaman bersabit dengan agenda persidangan antarabangsa berkenaan. Secara khas, saya merakamkan berbilang terima kasih kepada: Prof. Dr. Haji Endang Komara daripada STKIP (Sekolah Tinggi Keguruan dan Ilmu Pendidikan) Pasundan di Cimahi, Jawa Barat, Indonesia; Prof. Madya Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail daripada UBD (Universiti Brunei Darussalam) di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam; dan Andi Suwirta, M.Hum. daripada UPI (Universiti Pendidikan Indonesia) di Bandung, Jawa Barat, Indonesia, yang banyak menyokong dan membantu saya dalam melicinkan jentera pentadbiran ASPENSI, supaya pertubuhan ini kekal mengambil berat kepada agenda-agenda akademik. Walau bagaimanapun, semua kandungan dan pentafsiran dalam artikel ini kekal menjadi tanggung jawab akademik saya secara persendirian, dan ianya tidak ada kena-mengena dengan sokongan dan bantuan yang telah mereka berikan.

Sulu di Filipina. Sejarah juga telah membuktikan bahwa laut di kepulauan Asia Tenggara memainkan peranan yang cukup penting dalam keruntuhan peradaban di rantau ini, apabila dijajah oleh Spanyol, Portugis, British, dan Belanda (Indonesia); Portugis, Belanda, dan British (Malaysia); serta Sepanyol dan Amerika Syarikat (Filipina).

Pada hari ini, kestabilan negara-negara di rantau Asia Tenggara, sebagai sebuah nasion yang baru mencapai merdeka, nampaknya mula goyah dengan pelbagai krisis dalaman dan luaran, yang seolah-olah tiada penyelesaiannya. Kepentingan laut dan lautan itu bukan setakat terpancar dari aspek keduniaan sahaja, tetapi juga dalam agama. Contohnya, dalam *Al-Qur'an* – sepertimana dinyatakan oleh Agus S. Djamil (2004), dalam karyanya yang berjudul *Al-Quran dan Lautan* – terdapat 32 ayat yang menyebut tentang “laut”, dan hanya 13 ayat sahaja yang menyebut tentang “daratan”.

Ketepatan *Al-Qur'an* berhubung jumlah peratusan air di muka bumi adalah sama dengan perhitungan yang dilakukan oleh para saintis, yakni kira-kira 71% muka bumi adalah terdiri daripada air (lautan, sungai, tasik, danau, dan sebagainya); dan bakinya 29% adalah tanah. Jika dicampur 32 ayat tentang “lautan” dengan 13 ayat tentang “daratan”, maka jumlahnya adalah 45 ayat kesemuanya. Jika dihitung 32 ayat “lautan” dan dibahagi dengan 45 ayat “lautan dan daratan”, serta didarab dengan 100%, maka jawabannya ialah 71.11%, yakni sama dengan 71% bumi adalah air. Jika 13 ayat “daratan” dibahagi dengan 45 ayat “lautan” dan “daratan”, serta didarab dengan 100%, maka jawabannya ialah 28.88%, sama dengan 28% bumi adalah daratan.

Akhir sekali, Sir Walter Raleigh (1971), dalam karyanya yang berjudul *The History of the World*, pernah mengungkapkan bahawa: “*Siapa*

yang menguasai lautan, dialah yang menguasai kekayaan dunia; dan oleh karenanya, dia juga menguasai dunia itu”.¹³

Referensi

- Abdullah, Taufik. (2016). “Historiografi dalam Denyut Sejarah Bangsa” dalam *Kalam*, Volume 28, ms.1–28. Wujud secara online juga di: http://salihara.org/sites/default/files/06.Kalam28_Taufik [dilayari di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 10hb Mei 2018].
- Adas, Michael. (1974). *The Burma Delta: Economic Development and Social Change on an Asian Rice Frontier, 1852-1941*. Wisconsin: The University of Wisconsin Press.
- “Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia” dalam *Wikipedia: Ensiklopedia Bebas*. Wujud secara online pula di: https://ms.wikipedia.org/wiki/Agensi_Penguatkuasaan_Maritim_Malaysia [dilayari di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 2hb Mei 2018].
- Ahmad, Abdul Razaq & Andi Suwirta [eds]. (2007). *Pendidikan Sejarah & Historiografi Nasional-Sentrik: Konteks Indonesia, Malaysia, dan Brunei Darussalam*. Bandung: Historia Utama Press.
- Ahmad, Qasim. (1991). *Karya Sejarah: Pendekatan dan Persoalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, Tsabit Azinar. (2017). “Urgensi dan Relevansi Pembelajaran Sejarah Maritim untuk Wilayah Pedalaman” dalam *PARAMITA: Historical Studies Journal*, Volume 27(1), ms.113–126.
- Ahmad, Ahmad Danial bin. (2017/2018). “Tuntutan Bertindih yang Dihadapi Negara-negara Asia Tenggara dan Implikasi Krisis tersebut keatas Kestabilan Politik Serantau”. Wujud secara online di: https://www.academia.edu/36917477/TUNTUTAN_BERTINDIH_YANG_DIHADAPI_NEGARA-NEGARA_ASIA_TENGGARA [dilayari di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 2hb Mei 2018].
- Ali, Ismail. (2012). “Komuniti Orang Tanpa Negara (*Stateless People*) di Sabah: Kajian Kes Komuniti Bajau Laut di Pulau Mabul, Semporna”. Wujud secara online pula di: http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/22931/069_081.PDF

¹³**Kenyataan:** Saya, dengan ini, membuat kenyataan sebenar bahawa artikel ini adalah karya akademik saya secara persendirian dan ianya bukan hasil daripada tindakan plagiat. Sumber-sumber yang saya petik pun diperakui dan wujud dalam senarai Referensi. Saya bersedia diberi hukuman secara akademik, sekiranya apa-apa yang saya nyatakan ini, di kemudian hari, ternyata tidak betul dan tidak sesuai dengan hakikat.

- [dilayari di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 16hb September 2018].
- Ali, Ismail. (2013a). "Menghidupkan Semula Semangat Nusantara melalui Pengajian Sejarah Maritim di Alam Melayu" dalam *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Vol.1, No.2 [September], ms.193-212. Wujud secara online pula di: <http://garuda.ristekdikti.go.id/documents/detail/709711> [dilayari di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 2hb Mei 2018].
- Ali, Ismail. (2013b). "Perburuan Hamba, Laun, dan Kempen Penghapusan Lanun di Sarawak: Perspektif Sejarah Maritim" dalam *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Volume 1(1), Maret, ms.27-40.
- Ali, Ismail. (2016). "Perdebatan Penelitian dan Penulisan Sejarah Maritim di Kepulauan Asia Tenggara" dalam *Utusan Borneo*. Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 21 Mac. Wujud secara online pula di: <https://www.pressreader.com/> [dilayari di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 2hb Mei 2018].
- Ali, Ismail & Zaini Othman. (2012). *Penguatkuasaan dan Persoalan Persempadanan Maritim Negeri Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS [Universiti Malaysia Sabah].
- Alipala, Julie & Ryan Rosau. (2013). "US Stays Clear of Sabah Row" in *Philippine Daily Inquirer*, on 23 February.
- Andaya, Leonrad Y. (1990). *The Heritage of Arung Palaka: A History of South Sulawesi (Celebes) in the Seventeenth Century*. Leiden: KITLV Press.
- Ariff, Mohammad Raduan Mohd & Shahril Talib. (1995). "Penulisan dan Realiti Sejarah Asia Tenggara: Satu Persoalan" dalam *Jurnal Pengajian Asia Tenggara*, diterbitkan oleh Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, di Kuala Lumpur, Malaysia.
- Armandhanu, Denny. (2015). "Sengketa Perbatasan Malaysia dengan Berbagai Negara". Wujud secara online di: <https://www.cnnindonesia.com/internasional/20150617131338-106-60573/sengketa-perbatasan-malaysia-dengan-berbagai-negara> [dilayari di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 10hb Mei 2018].
- Asnan, Gusti. (2007). *Dunia Maritim Pantai Barat Sumatera*. Yogyakarta: Penerbit Ombak.
- Aughton, Peter. (2007). *Voyages that Changed the World*. London: Quercus Publishing, Plc.
- Aziz, Hamdan. (2016). "Tuntutan Kesultanan Sulu terhadap Sabah: Sorotan dari Perspektif Sejarah dan Perundangan" dalam *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, Volume 9, ms.284-285.
- Ajis, Mohd Na'eim *et al.* (2017). "Aktiviti Penyeludupan Migran dalam Kalangan Pemandang Asing Tanpa Izin (PATI) di Malaysia" dalam *GEOGRAFIA Online: Malaysian Journal of Society and Space*, Volume 13, Issue 2, ms.13-25. Wujud secara online pula di: <http://journalarticle.ukm.my/11892/1/17854-51614-2-PB.pdf> [dilayari di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 16hb September 2018].
- Bastin, John. (1988). "The Study of Modern Southeast Asian History" dalam Ungku A. Aziz & Shahril Talib [eds]. *Syarahan Perdana: Dua Puluh Lima Tahun Pertama Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan UM [Universiti Malaya], ms.3-23.
- Bee, Basley Bee Basrah & Bilcher Bala. (2005). *Arkeologi Maritim Malaysia*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS [Universiti Malaysia Sabah].
- Belcher, Edward. (1848). *Narrative of the Voyage of H.M.S. Samarang During the Years 1843-1846*, Vol.2. London: Reeve, Benham & Reeve.
- Benda, Harry J. (1972). *Continuity and Change in Southeast Asia: Collected Journal Articles of Harry J. Benda*. New Haven: Southeast Asian Studies of Yale University, Monograph Series No.18.
- BERNAMA [Berita Nasional Malaysia]. (2017). "Bajau Laut: Kumpulan Manusia Tanpa Negara". Wujud secara online di: <http://www.astroawani.com/gaya-hidup/bajau-laut-kumpulan-manusia-tanpa-negara-133269> [dilayari di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 16hb September 2018].
- Coedes, George. (1971). *The Indianized States of Southeast Asia*. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Dahlan, Achmad. (2004). *Upaya Indonesia dalam Menyelesaikan Sengketa Pulau Sipadan dan Ligitan dengan Malaysia*. Jakarta: Penerbit UI [Universitas Indonesia].
- Dalrymple, Alexander. (1808). "Essay towards an Account of Sulu" in *Oriental Repertory*, Volume 1, published in London, England, pp.499-578.
- Dani, J. (2015). "Guangzhou - Tawau - Nunukan: Jalur Panas Penyeludupan Narkotika". Wujud secara online di: <https://regional.kompas.com/read/2015/11/14/22300081/Guangzhou-Tawau-Nunukan.Jalur.Panas.Penyeludupan.Narkotika> [dilayari di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 16hb September 2018].
- Darsono, Prapto. (1999). "Pemanfaatan Sumber Daya Laut dan Implikasinya bagi Masyarakat Nelayan" dalam *Oseana*, Vol.XXIV, No.4, ms.1-9. Wujud secara online pula di: [http://oseanografi.lipi.go.id/dokumen/oseana_xxiv\(4\)1-9.pdf](http://oseanografi.lipi.go.id/dokumen/oseana_xxiv(4)1-9.pdf) [dilayari di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 31hb Ogos 2018].
- Dick-Read, Robert. (2008). *Penjelajah Bahari: Pengaruh Peradaban Nusantara di Afrika*. Bandung: PT Mizan Pustaka, Terjemahan.
- Djalal, Hasjim *et al.* (2007). *Setengah Abad*

- Deklarasi Djuanda, 1957-2007: Sejarah Kewilayahan Indonesia*. Jakarta: t.p. [tiada penerbit].
- Djamil, Agus S. (2004). *Al-Quran dan Lautan*. Bandung: PT Mizan Pustaka.
- Dollah, Ramli *et al.* (2003). "Pendatang Filipina di Sabah: Satu Pemerhatian dari Sudut Keselamatan" dalam *Jati*, Bilangan 8 [Disember], ms.217-240.
- Dollah, Ramli & Ahmad Mosfi Mohamad. (2006). "Perdagangan Tukar Barang Tawau (Sabah)-Indonesia: Implikasi dan Cabaran". *Kertas Kerja* dibentang dan dibincang dalam Persidangan Kebangsaan Sejarah Sabah dan Sarawak, di Universiti Malaysia Sabah, pada 17-18 Mei.
- Dollah, Ramli & Wan Shawaluddin Wan Hassan. (2012). "Cabaran dan Pengurusan Sempadan Maritim Indonesia: Pengajaran kepada Malaysia" dalam *Jati*, Volume 17 [December], ms.57-77. Wujud secara online pula di: <https://pdfs.semanticscholar.org/6a08/b98f48d2b52483c1646930209feaed2be8ed.pdf> [dilayari di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 20hb Mei 2018].
- Embong, Abdul Rahman. (2006). *Negara-Bangsa: Proses dan Perbahasan*. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Fitrisia, Azmi. (2006). "Kepustakaan Sejarah Maritim: Sebuah Studi Inventarisasi Bibliografi". *Laporan Penelitian Tidak Diterbitkan*. Padang: Jurusan Sejarah FIS UNP [Fakultas Ilmu Sosial, Universitas Negeri Padang]. Wujud secara online pula di: http://repository.unp.ac.id/270/1/AZMI%20FITRISIA_122_06.pdf [dilayari di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 2hb Mei 2018].
- Forrest, Thomas. (1969). *A Voyage to New Guinea and the Moluccas from Balambangan Including an Accpunt of Magindanao, Sooloo, and Other Islands*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Geertz, Clifford. (1960). *The Religion of Java*. New York: Free Press.
- Geertz, Clifford. (1963). *Agricultural Involution: The Processes of Ecological Change in Indonesia*. Berkeley: University of California Press.
- Gerstl, A. & M. Strasakova. (2016). *Unresolved Border, Land, and Maritime Disputes in Southeast Asia: Bi- and Multilateral Conflict Resolution Approaches and ASEAN's Centrality*. Leiden: Brill.
- Green, Timothy. (1969). *The Smugglers: An Investigation into the World of the Contemporary Smuggler*. London: Michael Joseph, Ltd., first edition.
- Hajad, Julasari. (2007). *Tausug & Kesultanan Sulu*. Selangor: RNH Marketing Sdn. Bhd.
- Halimi, Ahmad Jelani. (2006). *Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Selat Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hall, D.G.E. (1955). *A History of South-East Asia*. London: Macmillan Press.
- Hall, Kenneth R. (1985). *Maritime Trade and State Development in Early Southeast Asia*. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Hamid, Abd Rahman. (2015). *Sejarah Maritim Indonesia*. Yogyakarta: Penerbit Ombak.
- Hamzah, A. (2010). "Kaedah Kualitatif dalam Penyelidikan Sosio-Budaya" dalam *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, Volume 6(1).
- Hamzah, Intan Suria & Sity Daud. (2016). "Implikasi Kemasukan Pekerja Asing di Malaysia: Suatu Tinjauan Awal" dalam *Sains Insani*, Volume 01, ms.69-77. Wujud secara online pula di: <http://ddms.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/16272/1/144-221-PB.pdf> [dilayari di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 16hb September 2017].
- Hashim, Muhammad Yusof. (1988). *Pensejarahan Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn Bhd.
- Hidayat, Mohd Nur, Hasbollah Hajimin & Iknor Azli Ibrahim. (2017). "Hak dan Perlindungan Pelarian Muslim Filipina Menurut Syariah dan Undang-Undang Malaysia: Kajian di Negeri Sabah" dalam *Jurnal Hadhari*, Volume 9(2), ms.193-205.
- Hua, Ang Kean. (2016). "Mengenai Penyelidikan dan Kajian Kes: Satu Tinjauan Literatur" dalam *GEOGRAFIA Online: Malaysian Journal of Society and Space*, Volume 12, Issue 10, ms.49-55. Wujud secara online juga di: <http://journalarticle.ukm.my/10626/1/6.geografia-ogosl6-angkeanhua-edam.pdf> [dilayari di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 16 September 2017].
- Ingram, James C. (1955). *Economic Change in Thailand Since 1850*. California: Stanford University Press.
- Johnson, Derek & Mark Valencia. (2005). *Piracy in Southeast Asia: Status, Issues, and Responses*. Singapore: ISEAS [Institute of South East Asian Studies] Publications.
- Joko, Eko Prayitno. (2017). "Isu Pemilikan Wilayah Pantai Timur Sabah: Satu Penelusuran daripada Sudut Sumber Sejarah". Wujud secara online di: <http://www.ums.edu.my/fksw/images/files/IsuPemilikanWilayahPantaiITimurSabahSatuPenelusurandaripadaSudutSumberSejarah.pdf> [dilayari di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 16 September 2018].
- Kartodirdjo, Sartono. (1992). *Pendekatan Ilmu-ilmu Sosial dalam Metodologi Sejarah*. Jakarta: PT Gramedia.
- Kassim, Azizah. (2009). "Filipino Refugees in Sabah: State Responses, Public Stereotypes, and the Dilemma over Their Future" in *Southeast Asian Studies*, Volume 47(1), pp.52-88. "Kebijakan & Politik Maritim" dalam *PT Pelabuhan Indonesia I*, pada 3 Juni 2014. Wujud secara online pula di: <http://bumn.go.id/pelindo1/berita/8387> [dilayari di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 2hb Mei 2018].

- Keppel, Henry. (1874). *The Expedition to Borneo of H.M.S. Dido for the Suppression of Piracy with Extracts from the Journal of James Brooke of Sarawak*. Vol.2. London: Benham & Reeve, 3rd edition.
- Kerkvliet, Benedict J. (1979). *The Huk Rebellion: A Study of Peasant Revolt in the Philippines*. Quezon City: New Day Publishers.
- Kusumadewi, Anggi. (2015). "Sejarah Panjang Kemelut Indonesia-Malaysia di Ambalat". Wujud secara online di: <https://www.cnnindonesia.com/nasion/20150617140454-20-60584/sejarah-panjang-kemelut-indonesia-malaysia-di-ambalat> [dilayari di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 27hb Mei 2018].
- Lapian, Adrian B. (1991). "Sejarah Nusantara: Sejarah Bahari". *Naskah Pidato Tidak Diterbitkan*, sempena pengukuhan *Guru Besar* (Profesor Penuh) di Fakultas Sastra UI (Universiti Indonesia) di Depok, Jawa Barat, Indonesia.
- Lapian, Adrian B. (2008). *Pelayaran dan Perniagaan Nusantara Abad ke-16 dan 17*. Jakarta: Komunitas Bambu.
- Lapian, Adrian B. (2009). *Orang Laut, Bajak Laut, Raja Laut: Sejarah Kawasan Laut Sulawesi Abad XIX*. Jakarta: Komunitas Bambu.
- Larkin, John A. (1972). *The Pampangans: Colonial Society in a Philippine Province*. London: University of California Press.
- Lemlit UNDIP [Lembaga Penelitian Universitas Diponegoro]. (2010). *Sejarah Maritim Indonesia: Menelusuri Jiwa Bahari Bangsa Indonesia Hingga Abad ke-17*. Semarang: Pusat Kajian Sejarah dan Budaya Maritim Asia Tenggara, Lembaga Penelitian UNDIP (Universitas Diponegoro) bekerjasama dengan Departemen Kelautan dan Perikanan RI (Republik Indonesia).
- Leur, J.C. Van. (1960). *Indonesian Trade and Society: Essays in Asian Social and Economic History*. Bandung: Sumur Bandung.
- Levathes, Louise E. (1994). *When China Ruled the Seas: The Treasure Fleet of the Dragon Throne, 1405-1433*. New York: Oxford University Press.
- Liu, Ong Puay et al. [eds]. (2015). "Stateless di Sabah: Antara Authority-Defined dan Every Day-Defined". *Hasil Simposium Tidak Diterbitkan*. Bangi: Institut Kajian Etnik UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia]. Wujud secara online pula di: https://www.academia.edu/35555184/Stateless_di_Sabah_Antara_Authority-Defined_dan_Everyday-Defined [dilayari di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 16hb September 2018].
- Lord, Montague J. & Pawat Tangtrongjita. (2016). "BIMP-EAGA Investment Opportunities in Corridor Value Chains" in *MPRA: Munich Personal RePEc Archive*. Available online also at: <https://mpra.ub.uni-muenchen.de/76457/> [accessed in Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: August 31, 2018].
- Mahan, Alfred Thayer. (1965). *The Influence of Sea Power Upon History 1660-1783*. London: University Paperbacks.
- Majul, Caser Adib. (1978). *Muslim in the Philippines*. Manila: Saint Mary's Publishing.
- Mansyur, Syahrudin. (2008). "Arkeologi Maritim: Kajian Awal untuk Pengembangan Highlight Penelitian Balai Arkeologi Ambon" dalam *Kapata Arkeologi*, Vol.4, No.7 [November], ms.1-14.
- Marsetio. (2018). *Mengembalikan Kejayaan Maritim Indonesia*. Sentul, Bogor, Indonesia: Penerbit UNHAN [Universitas Pertahanan]. Wujud secara online pula di: <http://opac.lib.idu.ac.id/unhan-ebook/assets/uploads/files/7ddf1-buku-marsetio-mengembalikan-kejayaan-maritim.pdf> [dilayari di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 27hb Mei 2018].
- Masya, Zhafirah Yanda. (2018). "Analisis Kerjasama Keamanan Trilateral Indonesia, Malaysia, dan Filipina di Laut Sulu-Sulawesi Periode 2016-2017". *Skripsi Sarjana Tidak Diterbitkan*. Jakarta: Program Studi Hubungan Internasional FISIP UIN [Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universitas Islam Negeri] Syarif Hidayatullah. Wujud secara online pula di: <http://repository.uinjkt.ac.id/dspace/bitstream/123456789/43651/2/ZHAFIRAH%20YANDA%20MASYA-FISIP.pdf> [dilayari di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 20hb Mei 2018].
- Mundy, Rodney. (1848). *Narrative of Events in Borneo and Celebes Down to the Occupation of Labuan*. London: n.p. [no publisher].
- Munoz, Paul Michel. (2006). *Early Kingdoms of the Indonesian Archipelago and the Malay Peninsula*. Singapore: Mainland Press.
- Murray, Martin J. (1980). *The Development of Capitalism in Colonial Indochina (1870-1940)*. London: University of California Press.
- Nontji, Anugerah. (1987). *Laut Nusantara*. Jakarta: Penerbit Djambatan.
- Noor, S.M. (2013). "Insiden Sabah dan Klaim Batas Sejarah" dalam *Kompas.Com*. Jakarta: 14 Mac. Wujud secara online pula di: <https://lifestyle.kompas.com/read/2013/03/14/08205617/Insiden.Sabah.dan.Klaim.Batas.Sejarah> [dilayari di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 27hb Mei 2018].
- Paine, Lincoln. (2013). *The Sea and Civilization: A Maritime History of the World*. New York: Alfred A. Knopf.
- Pelras, Christian. (2006). *Manusia Bugis*. Jakarta: Penerbit Nalar, Terjemahan. "Polis Lancar Operasi Buru Besar-besaran" dalam *Daily Express*. Sabah, Malaysia: 25 Mac 1996.
- Rahman, Suhaili Abdul & Kamarulnizam Abdullah. (2018). "Mengurus Keselamatan Sabah: Dilema dan Realiti" dalam *MJ-SSH: Malaysian Journal of Social Sciences and*

- Humanities, Volume 3, Issue 5 [November], ms.55-67.
- Raleigh, Sir Walter. (1971). *The History of the World*. London: University Paperbacks.
- Ramage, C.S. (1968). "Role of a Tropical 'Maritime Continent' in the Atmospheric Circulation" in *Monthly Weather Review*, on June, pp.365-370.
- Reber, Anne. (1966). "The Sulu World in the 18th and Early 19th Centuries: A Historiographical Problem in British Writings on Malay Piracy". *Unpublished M.A. Thesis*. Ithaca, New York: Cornell University.
- Reid, Anthony. (1988). *Southeast Asia in the Age of Commerce, 1450-1680, Volume 1: The Lands Below the Winds*. New Haven: Yale University Press.
- Reid, Anthony. (2000). *Charting the Shape of Early Modern Southeast Asia*. Singapore: ISEAS [Institute of South East Asian Studies].
- Roelofs, Melink. (1979). *Asian Trade and European Influence in the Indonesian Archipelago between 1500 and about 1630*. The Hague: Nijhoff.
- Rusiti. (2018). "Analisis Kasus Sengketa Kepemilikan Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan serta Penyelesaiannya". Wujud secara online di: https://www.academia.edu/38398222/Analisis_Kasus_Sengketa_Kepemilikan_Pulau_Sipadan_dan_Pulau_Ligitan_serta_Penyelesaiannya.pdf [dilayari di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 16hb September 2018].
- Rustam, Ismah. (2017). "Kebijakan Keamanan Maritim di Perbatasan Indonesia: Kasus Kejahatan di Laut Sulawesi - Laut Sulu" dalam *Jurnal Penelitian Politik*, Vol.14, No.2 [Desember], ms.161-178.
- Rutter, Owen. (1930). *The Pirate Wind: Tales of the Sea-Robbers of Malaya*. London: Hutchinson & Co.
- Salleh, A. (2007). "Dispute Resolution through Third Party Mediation: Malaysia and Indonesia" in *Intellectual Discourse*, Volume 15(2), pp.147-165.
- SAM [Sahabat Alam Malaysia]. (2017). "Masalah Sumber Perikanan dan Nelayan Pantai di Malaysia: Cadangan dan Gesaan". *Memorandum Tidak Diterbitkan*. Wujud secara online pula di: https://d3n8a8pro7vhmx.cloudfront.net/foemalaysia/pages/24/attachments/original/1527210821/171130_memorandum_perikanan_SAM-JARING_2017.pdf [dilayari di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 31hb Ogos 2018].
- Sather, Clifford. (1997). *The Bajau Laut: Adaptation, History, and Fate in a Maritime Fishing Society of South-Eastern Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS [Universiti Malaysia Sabah].
- Sazlan, Iskandar. (2000). *Laporan Suruhanjaya Bebas Kelautan Dunia*. Kuala Lumpur: Maritime Institute of Malaysia.
- Shaffer, Lynda Norene. (1996). *Maritime Southeast Asia to 1500*. New York: M.E. Sharpe, Inc.
- Sjamsuddin, Helius. (2007). *Metodologi Sejarah*. Yogyakarta: Penerbit Ombak.
- Smail, John R.W. (1961). "On the Possibility of an Autonomous History of Modern Southeast Asia" in *Journal of Southeast Asian History*, Volume 2, pp.12-102.
- Sopher, David E. (1965). *The Sea Nomads: A Study of the Maritime Boat People of Southeast Asia*. Singapore: n.p. [no publisher].
- Steele, J., K. Turekian & S. Thorpe. (2001). *Encyclopedia of Ocean Sciences*. San Diego: Academic Press, 6 volumes.
- Sverdrup, Keith A., Alyn C. Duxbury & Alison B. Duxbury. (2006). *Fundamentals of Oceanography*. New York: McGraw-Hill.
- Tangsubkul, P. (1984). "The Southeast Asian Archipelagic State: Concepts, Evolution, and Current Practice" in *East-West Environment and Policy: Research Report*, No.15 [February].
- Tarling, Nicholas. (1990). *Piracy and Politics in the Malay World: A Study of British Imperialism in the Nineteenth Century South East Asia*. Singapore: Donald Moore Gallery.
- Temubual dengan Responden A, seorang Penjawat Polis Marin dan Jabatan Perikanan di Sandakan, Sabah, Malaysia, pada tarikh 3 Julai 2016.
- Temubual dengan Responden B, seorang Penjawat Polis Marin dan Jabatan Perikanan di Semporna, Sabah, Malaysia, pada tarikh 10 Julai 2016.
- Temubual dengan Responden C, seorang Penjawat Polis Marin dan Jabatan Perikanan di Tawau, Sabah, Malaysia, pada tarikh 17 Julai 2016.
- "The United Nations Convention on the Law of the Sea: A Historical Perspective". *Paper* was originally prepared for the International Year of the Ocean, in 1998. Available online also at: https://www.un.org/Depts/los/convention_agreements/convention_historical_perspective.htm [accessed in Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: May 2, 2018].
- "Undang-Undang Malaysia, Akta 317: Akta Perikanan 1985". Wujud secara online pula di: https://www.mmea.gov.my/artikel/Akta/akta_perikanan_1985.pdf [dilayari di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: Ogos 31, 2018].
- "United Nations Convention on the Law of the Sea". Available online at: https://www.un.org/depts/los/convention_agreements/texts/unclos/unclos_e.pdf [accessed in Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: May 20, 2018].
- Warren, James F. (1981). *The Sulu Zone, 1768-1898: The Dynamics of External Trade, Slavery, and Ethnicity in the Transformation of a Southeast Asian Maritime State*. Singapore: Singapore University Press.
- Warren, James F. (2002). *Iranun and Balangingi*:

- Globalization, Maritime Raiding, and the Birth of Ethnicity*. Singapore: Singapore University Press.
- Weiss, M. (2010). "Malaysia-Indonesia Bilateral Relations: Sibling Rivals in a Fraught Family" in N. Ganesan & Ramses Amer [eds]. *International Relations in Southeast Asia: Between Bilateralism and Multilateralism*. Singapore: ISEAS [Institute of South East Asian Studies], pp.171-198.
- Welman, Trans. (2011). *Borneo Trilogy: Sabah, Land Below the Wind*, Volume 1. Bangkok: Bookmango.
- Wertheim, W.F. (1956). *Indonesian Society in Transition: A Study of Social Change*. The Hague: W. van Hoeve Publishers, Ltd.
- Wolters, O.W. (1967). *Early Indonesian Commerce: A Study of the Origin of Srivijaya*. Ithaca, New York: Cornell University Press.
- Wolters, O.W. (1970). *The Fall of Srivijaya in Malay History*. Ithaca, New York: Cornell University Press.
- Yusa, Zam. (2018). "Polis Malaysia: Tiga Nelayan Diculik di Perairan Sabah" dalam *Berita Benar*. Wujud secara online pula di: <https://www.benarnews.org/malay/berita/my-sabah-culik-181211-12112018203940.html> [dilayari di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 17hb Disember 2018].
- Zacot, Francois Robert. (2009). *Orang Bajo: Suku Pengembara Laut*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS [Universiti Malaysia Sabah].
- Zakaria, Ahmad Farhan bin Abdullah@. (2010). "Isu-isu Terpilih Malaysia Melibatkan Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB), 1957-2003" dalam *Malaysia dari Segi Sejarah*, ms.141-176.